

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN NOR AZRINA BINTI SURIP
[MERBOK]**

TARIKH : 12 NOVEMBER 2019 (SELASA)

SOALAN

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan secara terperinci usaha Kementerian untuk memperkenalkan dasar baharu program pertanian pintar dengan peruntukan pembiayaan disediakan kepada golongan pekebun dan petani.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Kementerian ini sememangnya memberi perhatian terhadap perubahan landskap dalam sektor pertanian, iaitu daripada pertanian tradisional kepada pertanian pintar atau pertanian moden. Pelaksanaan pertanian pintar ini mempunyai potensi yang besar dalam membantu mengembangkan sektor pertanian seterusnya dapat memacu ekonomi negara.
2. Usaha mewujudkan pertanian pintar atau pertanian moden akan turut dirangkumi di bawah Dasar Agromakanan Negara (DAN) (2011-2020) dan DAN 2.0 (2021-2030) yang sedang dirangka. Salah satu agenda utama dalam menyediakan DAN 2.0 adalah mengambilkira pembangunan infrastruktur dan penggunaan teknologi moden (agroteknologi).
3. Sejar dengan perkembangan teknologi dan Revolusi Industri 4.0, program pertanian pintar akan terus diberi penekanan dan disusun semula yang merangkumi penyebaran penggunaan teknologi pertanian (mekanisasi dan automasi), pembangunan model pertanian

moden dan pembangunan pangkalan Data Agromakanan Negara (*Agriculture Flagship*).

4. Antara usaha Kementerian untuk memperkenalkan dasar baharu program pertanian pintar ialah dengan memberi penekanan terhadap penggunaan aplikasi teknologi dalam sektor pertanian seperti berikut:

(i) **Pengintegrasian teknologi pertanian moden yang bersifat *hi-tech*** seperti penggunaan robot (agro robotik), penderia, pertanian tepat, penggunaan dron, pembangunan data pertanian (*big analytical data*), aplikasi berasaskan *Internet of Things* (IoT), model kilang tanaman dan lain-lain;

(ii) **Penglibatan lebih banyak pihak dari sektor swasta dan pihak industri** bagi membantu golongan petani dalam mempercepatkan pemindahan teknologi moden;

(iii) **Penambahbaikan modul dan model pembelajaran pertanian pintar** yang dirangka dan disediakan bagi melahirkan dan menyediakan golongan belia tani masa depan (*future agro youth*);

(iv) **Peluasan skop kursus dan latihan berkaitan teknologi moden**;

(v) **Pemberian bantuan berbentuk insentif** yang bersesuaian kepada para petani seperti pemberian input pertanian, pembangunan infrastruktur ladang dan sebagainya;

(vi) **Penggalakkan dan pementapan program penyelidikan di institusi-institusi penyelidikan** bagi membangunkan varieti-varieti baru tanaman yang lebih tahan rintangan (*resistance*) kepada kesan perubahan iklim sama ada melalui kaedah konvensional mahupun melalui kaedah bioteknologi; dan

(vii) **Pemeriksaan inovasi dalam penggunaan teknologi** dalam menggiatkan lagi sektor pertanian yang kalis masa depan serta menjamin sekuriti makanan negara.

5. Keprihatinan Kerajaan terhadap inisiatif pertanian pintar atau pertanian moden ini juga dapat dilihat semasa pembentangan Bajet 2020 apabila sebanyak RM43 juta telah diperuntukkan ke arah pembangunan Industri Pertanian 4.0 seterusnya dapat memacu ekonomi negara melalui sektor agromakanan.

6. Selain peruntukan khusus pada tahun 2020 bagi pembangunan Industri Pertanian 4.0, Kementerian telah memperkenalkan pelbagai inisiatif bagi membiayai lebih ramai golongan pekebun dan petani untuk menceburi pertanian pintar antaranya seperti berikut:

(i) **Menyediakan peruntukan berjumlah RM5.79 juta** melalui Agrobank yang merupakan agensi pelaksana Skim Pembiayaan Mekanisasi dan Automasi bagi perolehan peralatan dan sistem mekanisasi dan automasi seperti jentera, traktor dan lain-lain;

(ii) **Memberi bantuan geran Agropreneur Muda** berbentuk barangan dan servis (*in-kind contribution*) sehingga RM20,000;

(iii) **Menyediakan peruntukan sebanyak RM120,000** bagi pelaksanaan kursus kilang tanaman oleh MARDI dan disasarkan kepada petani-petani moden yang berminat untuk menjalankan penanaman secara kilang tanaman menggunakan teknologi *Internet of Things* (IoT);

(iv) **Menyediakan khidmat nasihat teknikal melalui jabatan/agensi** berkaitan di bawah Kementerian bagi meningkatkan pengetahuan dan pemindahan teknologi terkini kepada para petani; dan

(v) **Memberikan latihan pemasaran digital kepada usahawan agromakanan** untuk membolehkan mereka memasarkan produk secara cekap dan berkesan di dalam era ekonomi digital. Sekian, terima kasih.